



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PELAKSANAAN PROGRAM BIMBINGAN TAHFIZ BESTARI (PINTAR)  
SEBAGAI MEDIUM TUISYEN TAHFIZ SEPARUH MASA  
DI NEGERI PAHANG**

**MOHD HASDI BIN MOHAMED**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA USULUDDIN  
MOD PENYELIDIKAN**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2019**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menilai pelaksanaan Program Bimbingan Tahfiz Bestari (PINTAR) yang merupakan tuisyen tafsir separuh masa di negeri Pahang. Kajian ini juga mengkaji Modul LIQA (Latihan Intensif Hafazan Al-Quran) yang merupakan modul utama yang digunakan dalam PINTAR dalam membantu meningkatkan pencapaian hafazan pelajar. Pendekatan kualitatif menerusi temubual telah digunakan sepenuhnya dalam kajian ini. Pemilihan subjek kajian dijalankan secara persampelan bertujuan yang melibatkan 50 orang yang terdiri daripada 5 pentadbir, 5 penyelaras, 10 guru dan 30 pelajar. Lima buah sekolah telah dipilih yang mewakili kategori sekolah menengah kebangsaan agama, sekolah agama bantuan kerajaan, sekolah berasrama penuh, sekolah harian dan agensi kerajaan. Instrumen yang digunakan bagi kajian ini adalah 4 set temubual yang memfokuskan kepada pelaksanaan, kaedah hafazan, keberkesanan dan penilaian terhadap PINTAR. Temu bual dianalisis secara tematik melalui transkripsi temu bual yang diberikan kod mengikut kategori responden dan soalan temubual. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa program tahfiz separuh masa PINTAR telah berjaya membimbing pelajar menghafaz al-Quran walaupun ianya dilaksanakan secara separuh masa. Ia juga memberi impak positif kepada pelajar sama ada dari sudut peningkatan kecemerlangan pelajar dalam akademik dan memiliki sahsiah yang baik dari segi akhlak. Dapatkan kajian juga menunjukkan kaedah hafazan menggunakan Modul LIQA telah membantu dalam peningkatan hafazan pelajar berdasarkan sukanan yang telah ditetapkan. Namun beberapa masalah telah dikenalpasti seperti kekurangan guru yang mempunyai kemahiran dalam bidang tahfiz, kekangan masa dan persekitaran yang kurang kondusif merupakan cabaran besar dalam pelaksanaan program ini. Kesimpulan kajian menunjukkan Program Bimbingan Tahfiz Bestari (PINTAR) sesuai dilaksanakan berdasarkan persepsi responden sebagai tuisyen tafsir secara separuh masa dan sekaligus boleh memberi implikasi positif dalam kemenjadian diri pelajar.





## THE IMPLEMENTATION OF PROGRAM BIMBINGAN TAHFIZ BESTARI (PINTAR) AS PART TIME TAHFIZ TUITION MEDIUM IN PAHANG STATE

### ABSTRACT

The study aimed to evaluate the implementation of the Program Bimbingan Tahfiz Bestari (PINTAR) which is a part-time tahfiz tuition in Pahang. This study also reviews LIQA Module (Latihan Intensif Hafazan Al-Quran), which is the main module used in PINTAR to improve students' abilities to memorise. Qualitative approach using interview method was fully applied in this study. The selection of subjects was conducted involving 50 samples consisting of 5 administrators, 5 coordinators, 10 teachers and 30 students. Five schools were selected ranging from secondary religious schools, government-aid religious schools, fully-residential schools, daily schools and government agencies. 4 sets of interviews were used as the instrument that focuses on the implementation, memorization method, effectiveness, and the assessment of PINTAR. Interviews were analyzed thematically through the transcriptions coded according to the categories of the respondents and questionnaires. The results showed that PINTAR has successfully guided students to memorise the Quran even if it is to be conducted on a part-time basis. It has also provided positive impact to students in term of enhancing their academic achievements and developing their personalities. The findings also showed memorizing method using LIQA Module improved students' ability to memorise according to the predetermined syllabus. Apart from that, some problems have been identified; the shortage of skillful educators in the field of tahfiz, time constrain, and less conducive environment are the major challenges in the implementation of the program. The conclusion of the study proves that PINTAR would be appropriately conducted as a part-time tahfiz tuition. In addition, it could also reinforce positive implications in developing student's self-potential.





## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	vi
<b>ABSTRACT</b>	vii
<b>KANDUNGAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
<b>JADUAL LITERASI</b>	xvii



### BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar belakang Kajian	4
1.3 Permasalahan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Persoalan Kajian	8
1.6 Kepentingan Kajian	9
1.7 Skop dan Limitasi Kajian	10
1.8 Metodologi Penyelidikan	12
1.9 Sorotan Kajian Lepas	23
1.10 Definisi Istilah	31
1.11 Kerangka Konseptual	33



**BAB 2 SEJARAH DAN PERKEMBANGAN TAHFIZ AL-QURAN**

2.1 Pengenalan	36
2.2 Sejarah Perkembangan Hafazan al-Quran	38
2.2.1 Sejarah Hafazan Al-Quran Di Zaman Rasulullah S.A.W.	40
2.2.2 Sejarah Hafazan Al-Quran Di Zaman Para Sahabat	44
2.2.3 Sejarah Hafazan Al-Quran Di Zaman Tabi'in	51
2.3 Sejarah Penghafazan dan Pengumpulan Al-Quran	55
2.3.1 Sejarah Penghafazan dan Pengumpulan Al-Quran Zaman Abu Bakr r.a.	56

## 2.3.2 Sejarah Penghafazan dan Pengumpulan Al-Quran

2.4 Kaedah-Kaedah dalam Hafazan Al-Quran	59
2.5 Sejarah Perkembangan Hafazan Al-Quran di Malaysia	77
2.5.1 Sejarah Penubuhan Maahad-Maahad Tahfiz Di Negeri Pahang	81
2.5.2 Sejarah Perkembangan Tahfiz di Negeri Pahang	85
2.6 Penutup	92

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	93
3.2 Tuisyen Dalam Arus Pendidikan Di Malaysia	94
3.3 Konsep Tuisyen Tahfiz Separuh Masa	96
3.4 Program PINTAR (Program Bimbingan Tahfiz Bestari)	101
3.4.1 Pengurusan	102





3.4.2	Organisasi Yang Melaksanakan Program Tahfiz Bestari	103
3.4.3	Yuran	107
3.4.4	Jadual	107
3.4.5	Sukatan Hafazan	109
3.4.6	Sistem Penilaian	110
3.5	Modul Hafazan LIQA (Latihan Intensif Hafazan Al-Quran)	111
3.5.1	Kandungan Modul LIQA	114
3.5.2	Kaedah Hafazan Modul LIQA	115
3.6	Penutup	122

#### BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	123
4.2	Lokasi Kajian	124
4.3	Profil Sampel	127
4.4	Latar Belakang Responden	129
4.5	Pelaksanaan Program Bimbingan Tahfiz Bestari (PINTAR)	140
4.6	Persepsi Pengguna Terhadap Modul Liqa	148
4.7	Bentuk Penilaian Dalam Program Bimbingan Tahfiz Bestari (PINTAR)	157
4.8	Masalah Program Bimbingan Tahfiz Bestari (PINTAR)	160
4.8.1	Masalah yang dihadapi oleh Pentadbir	160
4.8.2	Masalah yang dihadapi oleh Penyelaras	163
4.8.3	Masalah yang dihadapi oleh Guru	166





4.9 Implikasi Program Bimbingan Tahfiz Bestari (PINTAR)	172
4.9.1 Implikasi PINTAR terhadap akademik	172
4.9.2 Implikasi PINTAR terhadap sahsiah	177
4.10 Alat Bantu Hafaz Dalam Program Bimbingan Tahfiz Bestari (PINTAR)	182
4.11 Insentif Penghargaan Program Bimbingan Tahfiz Bestari (PINTAR)	184
4.12 Penutup	187

## BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan	188
5.2 Program PINTAR Sebagai Tuisyen Tahfiz Separuh Masa	189
5.3 Pengurusan Dan Pelaksanaan Program PINTAR	191
5.4 Kesesuaian Modul LIQA Sebagai Kaedah Hafazan Al-Quran	193
5.5 Keberkesanan Program PINTAR	195
5.6 Implikasi Dapatkan Kajian	196
5.7 Cadangan Kajian Lanjutan	199
5.8 Penutup	202

RUJUKAN

LAMPIRAN (1) SOALAN TEMUBUAL	209
LAMPIRAN (2) PAMPLET TAHFIZ BESTARI	214
LAMPIRAN (3) CONTOH SUKATAN HAFAZAN	215





## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Sampel Lokasi Kajian	11
1.2 Pembahagian Kod Transkripsi	20
2.1 Kaedah-kaedah Hafazan	59
2.2 Senarai Institut Tahfiz di Seluruh Malaysia	80
2.3 Senarai Sekolah yang Mengikuti Kurikulum Tahfiz di Negeri Pahang	87
2.4 Wakil Ahli Jawatankuasa Mengikut Daerah	89
2.5 Bilangan Ma'had Tahfiz Swasta Mengikut Daerah di Negeri Pahang	90
2.6 Bilangan Ma'ahad Tahfiz yang Tidak Berdaftar Mengikut Daerah di Pahang	91
3.1 Organisasi yang Menjalankan Tuisyen Tahfiz Shah	97
3.2 Sekolah/Organisasi yang Melaksanakan Program Tahfiz Bestari	104
3.3 Penambahbaikan dalam Program Tahfiz Bestari	105
3.4 Sukatan Hafazan Tingkatan 1 Bulan Januari	106
3.5 Contoh Pelaksanaan PINTAR di SM Agama Al-Maarif	108
3.6 Penilaian dan Gred Program PINTAR	110
3.7 Agihan Juzuk Hafazan Mengikut Tingkatan	112
4.1 Sekolah Kajian	124
4.2 Maklumat Responden	127
4.3 Pengajian Tertinggi	130
4.4 Bidang Pengajian`	132
4.5 Ikhtisas dalam Tahfiz Al-Quran	133
4.6 Pengalaman mengikuti program tahfiz	135





4.7	Kemampuan Pelajar Menghafaz dalam Tempoh Satu Jam	138
4.8	Nama program dan unit bertanggungjawab	140
4.9	Sukatan dan jadual kelas hafazan	144
4.10	Yuran Bulanan dan Elaun Guru	146
4.11	Senarai bahan bantu belajar	183
4.12	Pilihan bentuk penghargaan kumpulan pengurusan	185
4.13	Pilihan keperluan bentuk penghargaan kumpulan peserta	186
5.1	Perbezaan Tuisyen Tahfiz Separuh Masa Dan Tahfiz Sepenuh Masa	190





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
3.1 Fasa Pertama Program Tahfiz Bestari (2003 hingga 2005)	102
3.2 Fasa Pertama Kedua Program Tahfiz Bestari (2006 hingga 2016)	103
3.3 Langkah Persediaan	115
3.4 Langkah Hafazan	117
3.5 Langkah Pengukuhan	119
3.6 Lembaran Kerja 15 baris ayat atau 1 Muka Surat	121



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## SENARAI SINGKATAN

LIQA	Latihan Intensif Hafazan Al-Quran
PINTAR	Program Bimbingan Tahfiz Bestari
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SMAN	Sekolah Menengah Agama Negeri
SMAAM	Sekolah Menengah Agama Al-Maarif
SEMSAS	Sekolah Menengah Sains Sultan Hj. Ahmad Shah
SBP	Sekolah Berasrama Penuh
ASSBF	Asrama Sri Semai Bakti Felda
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
TAHAP	Tg. Ampuan Hajjah Afzah Pahang
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
MTNP	Maahad Tahfiz Negeri Pahang



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## JADUAL TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ء	,	سأْل	sa'ala
ب	B	بَدْل	badala
ت	T	تَمَر	tamr
ث	Th	ثُورَة	thawrah
ج	J	جَمَال	jamāl
ح	H	حَدِث	hadatha
خ	Kh	خَالِد	khālid
د	D	دِيَوَان	diwan
ذ	Dh	ذَهَب	dhahaba
ر	R	رَحْمَن	raḥmān
ز	Z	زَمْزَم	zamzam
س	S	سَرَاب	sarāb
ش	Sh	شَمْس	shams
ص	Ṣ	صَبْر	ṣabr
ض	Ḍ	ضَمِير	ḍamīr
ط	Ṭ	طَاهِر	ṭāhir
ظ	Ẓ	ظَهِير	Zuhr
ع	‘	عَبْد	‘abd
غ	Gh	غَيْب	ghayb
ف	F	فَقِه	fiqh
ق	Q	قَاضِي	qaḍī
ك	K	كَأس	ka's
ل	L	لَبَن	laban
م	M	مَزْمَار	mizmār
ن	N	نَوْم	nawm
هـ	H	هَبْط	habaṭa
وـ	W	وَصْل	waṣala





ي

y

پسار

yasār

*Vokal Pendek*

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	Contoh Transliterasi
أ	a	فَعَلَ	Fa <sup>c</sup> ala
إ	i	حَسِبَ	ḥasiba
ؤ	u	كُتِبَ	kutiba

*Vokal Panjang*

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	Contoh Transliterasi
ا / ا	ā	كَاتِبٌ / قَضَى	Kātib / Qadā
ي	ī	كَرِيمٌ	karīm
و	ū	حَرْوَفٌ	hurūf

*Diftong*

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	Contoh Transliterasi
أ	aw	قَوْلٌ	qawl
ي	ay	سَيْفٌ	sayf
ي	iyy/i	رَجْعَيٍ	raj <sup>c</sup> iy/raj <sup>c</sup> i
و	uww/u	عَدْوٌ	<sup>c</sup> aduww / <sup>c</sup> adu





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

#### 1.1 Pendahuluan

Sejarah pembelajaran al-Quran secara hafazan bermula sejak turunnya ayat pertama al-Quran kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan malaikat Jibril. Penurunan ayat al-Quran berlaku lebih kurang selama 23 tahun secara berperingkat seiring dengan keperluan dan keadaan semasa. Proses penurunan al-Quran secara berperingkat-peringkat turut membantu dan memudahkan Rasulullah SAW mengajar al-Quran kepada para sahabatnya melalui secara hafazan (Muhaysin, 1989).

Kini setelah hampir 15 abad, tiada sebahagian pun dari al-Quran itu berlakunya penyelewengan atau pemalsuan. Hal ini kerana, al-Quran merupakan kitab yang



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

terpelihara dari sebarang bentuk penyelewengan sejak dari penurunannya sehingga hari kiamat. Menurut Danial Zainal Abidin (2013), keaslian al-Quran ini terpelihara melalui dua cara iaitu melalui penulisan dan pembukuan manuskrip asal yang ditulis sewaktu zaman Nabi Muhammad SAW serta melalui hafazan sebagaimana yang diajarkan oleh Nabi Muhammad SAW kepada para sahabat (al-Sayuti, 1987).

Jelaslah bahawa penghafazan al-Quran telah memainkan peranan sebagai salah satu mekanisme bagi memastikan terpeliharanya isi kandungan al-Quran. Di samping itu juga, pendokumentasian al-Quran yang sistematik berlaku ketika zaman khalifah Abu Bakar dalam mengumpulkan dan menulis kembali ayat-ayat al-Quran (Salim Muhamimin, 1994 dan al-Zarkasyi, 2001). Oleh itu, al-Quran kekal menjadi sebuah kitab yang mudah dipelajari dan dihafaz oleh sesiapa sahaja yang bersungguh-sungguh ingin mempelajarinya. Perkara ini dibuktikan dengan ayat al-Quran iaitu:

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْءَانَ لِلَّذِكْرِ فَهُلُّ مِنْ مُّدَّكِّرٍ

*“Dan sesungguhnya! Kami telah mudahkan al-Quran untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pelajaran (daripadanya)?*

(Surah al-Qamar: 17)

Di Tanah Melayu, perkembangan institusi tahfiz kerajaan dan swasta lahir daripada kewujudan kelas al-Quran yang bermula di rumah-rumah guru, sekolah-sekolah pondok sehingga sistem pendidikan sekolah Islam (Muhammad Yusuf Ahmad, 2000).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Pada masa kini, kebanyakan umat Islam sedar bahawa menghafaz al-Quran merupakan amalan yang dituntut dan sangat mulia di sisi Allah SWT. Lantaran daripada itu, permintaan ibu bapa untuk menghantar anak-anak ke sekolah agama yang menyediakan pengajian tahfiz melebihi dari tawaran dan kesanggupan pihak yang menyediakan (Sabri Mohamad, Azmil Hashim dan Hamdi Ishak, 2016). Di samping sekolah-sekolah agama yang sedia ada, penubuhan sekolah dan institusi tahfiz al-Quran turut dibangunkan di semua peringkat di seluruh negara ibarat *cendawan tumbuh selepas hujan*. Hal ini secara tidak langsung dapat membantu bakal huffaz belajar dengan lebih selesa dan sistematik di dalam urusan pembelajaran.

Menurut ‘Afaf Abd al-Ghafor Hameed (2003), lepasan maahad tahfiz dalam negara telah berkhidmat dalam pelbagai sektor sama ada awam atau swasta. Ada dalam kalangan mereka yang berkhidmat sebagai Imam Besar masjid negeri, guru, pensyarah, pegawai agama angkatan tentera dan lain-lain. Selain itu, ada dalam kalangan mereka yang juga berkhidmat dalam bidang profesional seperti doktor, arkitek, jurutera dan sebagainya. Penglibatan penghafaz al-Quran dalam pelbagai kumpulan ini menunjukkan bahawa golongan ini dapat memberi perkhidmatan dalam apa jua bidang yang sesuai dengan mereka.

Kesimpulannya bahawa mereka yang menghafaz dan menghayati sepenuhnya isi kandungan al-Quran mampu berjaya membawa ketamadunan yang unggul (‘Afaf Abd al-Ghafor Hameed, 2003). Kini, usaha meramaikan lagi generasi al-Quran ini mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat di mana-mana sahaja di negara kita.





## 1.2 Latar belakang kajian

Pengajian tahliz al-Quran dilaksanakan melalui dua cara iaitu sama ada sepenuh masa atau separuh masa (Basirah Abu Bakar dan Zulkifli Yusoff, 2016). Tahliz sepenuh masa merujuk kepada pelaksanaan di maahad-maahad tahliz sama ada kerajaan mahupun swasta. Biasanya sukatan hafazan adalah melibatkan keseluruhan al-Quran iaitu 30 juzuk. Manakala tahliz secara separuh masa pula dilaksanakan secara bimbingan (tuisyen) oleh institusi atau pusat bimbingan tertentu. Sukatan hafazan adalah lebih terbuka dan mengikut ketetapan institusi atau organisasi yang menganjurkan. Kandungan sukatannya adalah sama ada 5 juzuk, 10 juzuk, 15 juzuk, surah-surah pilihan dan sebagainya.



Pelaksanaan kelas-kelas tahliz yang dilakukan secara separuh masa kebiasaannya diadakan di masjid-masjid, kelas pengajian sesi petang atau malam dan sebagainya. Di samping itu juga, jadual pengajian adalah ditetapkan oleh pengajur sama ada satu atau dua jam sehari dengan kekerapan sebanyak dua atau tiga kali seminggu. Sehubungan itu, banyak kelas-kelas tahliz al-Quran yang ditubuhkan oleh orang perseorangan atau organisasi tertentu kerana terdapat permintaan dari para ibubapa dan masyarakat setempat. Hal ini menunjukkan bahawa perhatian umat Islam Malaysia terhadap perkembangan tahliz al-Quran sangat besar.

Pada tahun 2004, Masjid Negeri Sultan Ahmad 1, Kuantan telah mengambil inisiatif mengadakan kelas tahliz separuh masa yang dikenali dengan Program Tahfiz





Bestari. Kelas ini mewajibkan pelajar Kelas al-Quran & Fardhu Ain (KAFA) menghafaz sekurang-kurangnya satu juzuk setahun.

Tujuan utamanya adalah untuk mengembangkan lagi bidang tafsir al-Quran di peringkat rendah. Program ini berkembang sehingga kini dan mendapat perhatian sekolah-sekolah di negeri Pahang untuk mengadakannya secara separuh masa sebagai pengisian dan aktiviti tambahan buat pelajar (Temubual bersama Dato' Zulkifle B. Hj. Ali Al-Hafiz pada 6 Februari 2017 di MTNP).

Memandangkan tafsir secara sepenuh masa melalui Kelas Tafsir Bestari ini mendapat sambutan yang menggalakkan di negeri Pahang, maka berlaku beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaannya. Bermula dengan kelas KAFA di masjid, ia berkembang ke sekolah-sekolah menengah di daerah Kuantan dan seterusnya lain-lain daerah di negeri Pahang. Begitu juga keperluan dari segi teknikal juga melihatkan pembaharuan. Melalui tafsir ini, pelajar menghafaz al-Quran dengan modul khusus dikenali sebagai Modul LIQA (Latihan Intensif Hafazan Al-Quran).

Sukatan hafazan diperincikan dan disediakan dalam bentuk sukatan hafazan bulanan dan sukatan hafazan tahunan bagi memudahkan pelajar menghafaz mengikut ketetapan. Perubahan besar dalam tafsir secara sepenuh masa ini adalah pertukaran nama dari Program Tafsir Bestari kepada Program Bimbingan Tafsir Bestari (PINTAR) kerana ia berbentuk tuisyen tafsir secara separuh masa. (Temubual bersama Dato' Zulkifle B. Hj. Ali Al-Hafiz pada 6 Februari 2017 di MTNP).





Memandangkan tempoh pelaksanaan program ini menjangkau lebih 10 tahun, maka ia memerlukan satu kajian bagi melihat keberkesanannya. Justeru, kajian ini akan menjelaskan secara terperinci Program Bimbingan Tahfiz Bestari (PINTAR) yang meliputi aspek pengurusan, modul, kaedah hafazan dan penilaian yang dilaksanakan.

### 1.3 Permasalahan Kajian

Syariat yang terkandung di dalam al-Quran masih dijadikan rujukan walaupun selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW sehingga kini. Lantaran itu, umat Islam memegang tanggungjawab untuk memelihara al-Quran agar tidak diselewengkan oleh mana-mana pihak. Salah satu usaha untuk memelihara al-Quran ini adalah dengan penubuhan pusat-pusat tahfiz, sekolah serta asrama yang menggunakan pendekatan kaedah hafazan yang pelbagai. Walaupun penggunaan kaedah yang berbeza-beza tetapi matlamatnya tetap sama iaitu memelihara 30 juzuk al-Quran (Noor Hisham Md Nawi, Nur Azuki Yusuff, Mohd Binyamin Che Yaacob dan Nasrul Hakim Salleh, 2014).

Berdasarkan pemerhatian, kajian berkaitan tahfiz al-Quran secara separuh masa (tuisyen) belum pernah dijalankan. Kebanyakan kajian yang telah dijalankan lebih menumpukan kepada pelaksanaan tahfiz sepenuh masa seperti kaedah Turki, Panipati, Deobandi dan beberapa kaedah lain (Sedek Ariffin & Zulkifli, 2015). Justeru, pelaksanaan tahfiz al-Quran secara separuh masa (tuisyen) memerlukan satu kajian yang khusus.





Selain itu, kesedaran umat Islam terhadap kepentingan dan kebaikan menghafaz al-Quran yang meningkat telah mendorong ibubapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah tahfiz. Disebabkan tempat yang terhad, ibu bapa telah menghantar anak ke masjid atau kelas-kelas KAFA yang menawarkan kelas tahfiz secara separuh masa.

Berdasarkan tinjauan awal, terdapat hampir 20 buah sekolah yang telah menjalankan Program Bimbingan Tahfiz Bestari (PINTAR) di negeri Pahang. Namun setakat ini, tiada kajian khusus dilaksanakan menyebabkan tiada data dan maklumat yang boleh menunjukkan keberkesanan program. Oleh hal yang demikian, pengkaji akan melaksanakan kajian ini untuk melihat keberkesanan pelaksanaan program PINTAR di sekolah yang terlibat.



Program PINTAR selain dari berkonsepkan tuisyen tahfiz secara separuh masa dengan menggunakan Modul LIQA, ianya memberi pendekatan dan kefahaman bahawa tahfiz al-Quran tidak semestinya menghafaz 30 Juzuk al-Quran semata-mata. Malahan hafazan al-Quran adalah bersifat subjektif dan tiada paksaan. Menghafaz al-Quran adalah terbuka kepada sesiapa sahaja dengan sukanan hafazan adalah mengikut kemampuan sama ada 5 juzuk, 10 juzuk, 15 juzuk, surah-surah pilihan dan sebagainya.

Kesimpulannya, masalah umum yang dikemukakan telah mendorong pengkaji untuk membuat kajian berkaitan pelaksanaan program PINTAR yang diadakan di sekolah-sekolah di negeri Pahang. Kajian ini akan meneliti aspek pengurusan, modul, kaedah pengajaran dan pembelajaran serta bentuk penilaian yang digunakan guru di





dalam program PINTAR. Justeru, dengan melihat pelaksanaan program PINTAR ini, maka boleh dibuat penambahbaikan serta membuka mata pihak lain untuk melaksanakan program PINTAR di seluruh Malaysia.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif yang digariskan berdasarkan tajuk kajian ini:

1. Mendedahkan maklumat berkaitan program tahliz sepanjang masa dan separuh masa yang ada di negeri Pahang.
2. Menghuraikan konsep tuisyen tahliz secara separuh masa melalui Program Bimbingan Tahliz Bestari (PINTAR) di negeri Pahang.
3. Menganalisis aspek pengurusan, modul hafazan, kaedah pengajaran dan bentuk penilaian dalam Program Bimbingan Tahliz Bestari (PINTAR).
4. Menganalisis keberkesanan program tuisyen tahliz separuh masa melalui Program Bimbingan Tahliz Bestari (PINTAR).

#### **1.5 Persoalan Kajian**

1. Apakah program tahliz sepanjang masa dan separuh masa yang ada di negeri Pahang?





2. Bagaimakah pelaksanaan tuisyen tahfiz secara separuh masa melalui Program Bimbingan Tahfiz Bestari (PINTAR) di negeri Pahang?
3. Bagaimakah aspek pengurusan, modul hafazan, kaedah pengajaran dan bentuk penilaian dalam Program Bimbingan Tahfiz Bestari (PINTAR)?
4. Sejauh manakah keberkesanan program tuisyen tahfiz separuh masa melalui Program Bimbingan Tahfiz Bestari (PINTAR)?

## 1.6 Kepentingan Kajian

Perhatian masyarakat terhadap bidang tahfiz semakin mendapat sambutan, namun

penawaran untuk mengikuti serta merasai pengalaman dalam bidang ini adalah terhad.

Justeru, bagi memastikan pembelajaran tahfiz al-Quran boleh diikuti secara meluas, tuisyen tahfiz secara separuh masa diperkenalkan. Pembelajaran khususnya tuisyen tahfiz separuh masa ini dilaksanakan dengan pelbagai sistem dan kaedah.

Banyak kajian telah dilaksanakan dalam konteks menganalisis pengajian tahfiz secara sepenuh masa iaitu yang dilaksanakan di institusi tahfiz. Namun berdasarkan pemantauan awal mendapati, belum ada lagi kajian khusus mengkaji tuisyen tahfiz separuh masa. Untuk tujuan ini, pengkaji mendapati satu kaedah iaitu Program Bimbingan Tahfiz Bestari (PINTAR) telah menawarkan pembelajaran tahfiz secara separuh masa di negeri Pahang.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

PINTAR telah berlangsung lebih 10 tahun dan dilaksanakan oleh hampir 20 buah sekolah dan institusi pengajian. Oleh itu, satu kajian khusus terutamanya melibatkan pengurusan, kajian modul, kaedah penilaian dan keberkesanan perlu dilaksanakan bagi memastikan kualiti program berkenaan. Justeru, hasil daripada kajian ini dapat dijadikan sebagai salah satu rujukan kepada penambahbaikan modul pembelajaran dan pengajaran kaedah hafazan di Madrasah, Maahad dan Institusi tahfiz yang lain dalam usaha mewujudkan institusi penghafazan al-Quran secara tersusun, sistematik dan moden. Seterusnya, ia juga akan menjadi rujukan bagi pihak yang ingin mengadakan atau menawarkan program tahfiz secara separuh masa.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## 1.7 Skop dan Limitasi Kajian

Program Bimbingan Tahfiz Bestari (PINTAR) merupakan program yang hanya diadakan di negeri Pahang atas permintaan sekolah-sekolah yang berminat untuk mengadakan tuisyen tahfiz secara separuh masa. Justeru, kajian ini tertumpu kepada pelajar-pelajar dan guru-guru yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pelaksanaan program ini. Bagi mencapai objektif dan matlamat kajian, kajian ini membataskan perbincangan sebagaimana berikut:

1. Konsep dan sejarah berkaitan tahfiz al-Quran.
2. Sejarah Pendidikan tahfiz di Malaysia yang meliputi tahfiz secara sepenuh masa dan separuh masa.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



3. Program Bimbingan Tahfiz Bestari (PINTAR) sebagai medium tuisyen tahfiz secara separuh masa di negeri Pahang. Tumpuan kajian adalah seperti berikut :
- i. Pengurusan iaitu jadual, sukatan, yuran dan pemilihan pelajar.
  - ii. Modul. Pendekatan yang digunakan ialah Modul LIQA (Latihan Intensif Hafazan Al-Quran)
  - iii. Kaedah Pengajaran & Pembelajaran tahfiz al-Quran. Aktiviti guru dan pelajar seperti *talaqqi, tasmi', murajaah* dan *kitabah*.
  - iv. Bentuk Penilaian bagi pelajar yang mengikuti PINTAR.

4. Sampel Lokasi kajian. Sampel sekolah yang akan menjadi lokasi kajian adalah berdasarkan kategori sekolah dan daerah seperti jadual berikut :



### **Jadual 1.1: Sampel Lokasi Kajian**

Bil	Nama Sekolah	Kategori	Daerah
1.	Sekolah Menengah Agama Al-Maarif (SMAAM) (Sekolah Penanda Aras bagi Program PINTAR)	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)	Kuantan
2.	Sekolah Menengah Sains Sultan Hj. Ahamd Shah (SEMSAS)	Sekolah Berasrama Penuh (SBP)	Kuantan
3.	Asrama Sri Semai Bakti FELDA (ASSBF)	FELDA (Agensi Kerajaan)	Kuantan
4.	Sekolah Menengah Seri Jengka (SMK SERI JENGKA)	Sekolah Harian	Maran





5.	Sekolah Men. Keb. Agama Tg. Ampuan Hajjah Afzan (SMKA TAHAP)	Sekolah Kebangsaan Agama (SMKA)	Menengah Agama	Jerantut
----	--	---------------------------------	----------------	----------

Jadual 1.1 menunjukkan sampel lokasi kajian yang dijalankan. Terdapat lima buah sekolah yang terlibat dan terletak di tiga buah daerah iaitu Kuantan, Maran dan Jerantut. Kelima-lima buah sekolah ini berbeza kategori antaranya Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Berasrama Penuh (SBP), FELDA (Agensi Kerajaan), Sekolah Harian dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA).

Di Pahang terdapat hampir 20 buah sekolah yang melaksanakan program PINTAR. Namun begitu, berdasarkan jadual 1.1 hanya 5 buah sekolah sahaja yang terlibat di dalam kajian ini termasuklah SMAAM, ASSBF, SERI JENGKA, SEMSAS dan SMKA TAHAP.

## 1.8 Metodologi Penyelidikan

Metodologi kajian merupakan kaedah dan teknik mereka bentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong dan mendokong sesuatu rumusan. Di samping itu, ia menerangkan cara sesuatu kaedah dan teknik tertentu yang digunakan. Hal ini bertujuan untuk membantu dalam memahami





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

dengan lebih luas tentang mengaplikasikan kaedah dengan membuat huraian tentang proses kajian. Oleh hal yang demikian, dalam menghasilkan kajian yang berkualiti bahagian ini akan menjelaskan metodologi kajian yang dilaksanakan.

### 1.8.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan metode diskriptif. Deobold (1993) berpendapat kaedah diskriptif ini sesuai digunakan kerana ia meliputi tinjauan mudah dan meninjau maklumat yang tepat tentang ciri-ciri subjek berkaitan dengan sesuatu peristiwa. Justeru, kaedah ini sesuai digunakan dalam kajian ini kerana

menepati objektif kajian yang ingin dicapai oleh pengkaji.



PustakaTBainun



ptbupsi

Pendekatan dalam kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kerangka yang dikemukakan oleh Mohd. Majid (2000). Dalam kerangka tersebut di nyatakan lima langkah iaitu mengenalpasti masalah, mengumpul bahan-bahan rujukan, mengkritik bahan-bahan rujukan, membentuk telahan bagi menjelaskan peristiwa, mentafsir dan melaporkan kajian.

Menurut Crawford dan Irving (2009), Kajian Kualitatif sesuai diaplikasikan dengan kajian bersifat penerokaan. Pernyataan ini bertepatan dengan pendapat Ahmad Naqiyuddin (2008) dan Neuman (2010) yang menjelaskan bagi kajian bersifat



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



penerokaan, kajian kes dipilih sebagai strategi kajian, manakala teknik kajian adalah menggunakan temubual dan analisis dokumen.

Menerusi kajian ini juga, bagi mendapatkan data, pengkaji telah menggunakan kaedah kepustakaan, temu bual dan analisis dokumen bersesuaian dengan objektif kajian. Data-data berkaitan isu dan permasalahan kajian kebiasaannya mempunyai maklumat dalam bentuk perangkaan fakta dan persepsi yang dikumpulkan untuk dianalisis (Idris Awang, 2001).

Melalui metode ini Creswell (2013) menyatakan dua kaedah utama boleh digunakan iaitu data primer (kajian lapangan) dan data sekunder. Dalam kajian ini, data primer yang diperolehi melalui metode temu bual dan observasi. Manakala, data sekunder pula diperolehi melalui metode analisis kandungan daripada jurnal online, dokumen, laporan, pamphlet dan lain-lain rujukan.

Oleh yang demikian, penyelidik membuat persepsi di samping dapat mengukur dan menilai pelaksanaan Program Bimbingan Tahfiz Bestari (PINTAR) sebagai medium tuisyen tahfiz separuh masa di negeri Pahang.

### 1.8.2 Metodologi Pengumpulan Data





Kajian ini secara umumnya merupakan kajian kualitatif. Data kualitatif kebiasaannya di dalam bentuk temubual, pemerhatian dan analisa dokumen (Jasmi K.A, 2012). Di samping itu juga, penyelidikan ini juga menggunakan kaedah kepustakaan. Oleh hal yang demikian, proses pengumpulan data bagi kajian ini adalah seperti berikut:

## 1. Kepustakaan

Kajian kepustakaan ini dijalankan untuk mengukuhkan dan menjelaskan berkaitan sejarah hafazan di zaman Rasulullah SAW sehingga zaman tabi'in berpandukan jurnal-jurnal secara online. Sebahagian besar buku-buku rujukan untuk kajian ini dibeli di kedai-kedai buku universiti antaranya kedai buku UPSI dan kedai buku Universiti Malaya. Selain itu beberapa perpustakaan telah dikunjungi bagi memenuhi keperluan data antaranya ialah:

- i. Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
- ii. Perpustakaan Universiti Malaya (UM)
- iii. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM)

## 2. Temubual

Bagi mendapatkan maklumat tambahan, di dalam kajian ini turut menggunakan kaedah temu bual. Tujuan diadakan temu bual ialah untuk mengumpulkan data bagi memperkuuh daptan supaya lebih tepat. Kaedah ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat dengan bertanya langsung kepada responden.





Menurut Fontana dan Frey (1994), temubual dapat dilakukan dalam tiga bentuk, iaitu temubual berstruktur, temubual separa berstruktur dan temubual tidak berstruktur. Bagi kajian ini, bentuk soalan temubual ialah secara berstruktur dimana soalan-soalan akan ditanya berdasarkan soalan yang telah disediakan. Instrumen temubual telah mendapat pengesahan pakar iaitu Dr. Sedek Bin Ariffin yang merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Pemilihan responden pula, adalah menggunakan persampelan rawak mudah. Menurut Merrigan dan Huston (2004), tiga langkah yang perlu dilakukan oleh penyelidik bagi metode ini adalah:

1. Mengenalpasti sampel kajian yang akan dipilih
2. Menyediakan senarai lengkap ahli yang akan menjadi populasi kajian untuk diundi secara rawak.
3. Memilih sampel berdasarkan peluang dan kebarangkalian setiap ahli untuk dipilih menjadi sampel kajian.

Melalui pendekatan ini, pengkaji memilih 10 orang responden bagi setiap 5 buah sekolah untuk menjadi sampel kajian. Responden yang terlibat dibahagikan kepada 4 kategori iaitu pentadbir, penyelaras, guru dan pelajar.

Bilangan pentadbir yang ditemubual adalah seorang sahaja sama ada Pengetua, Guru Penolong Kanan Pentadbiran (Kurikulum), Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid





(HEM) atau Guru Penolong Kanan Kokurikulum. Begitu juga dengan responden kategori penyelaras iaitu hanya seorang ditemubual untuk satu sekolah. Pelbagai jawatan penyelaras wujud di sekolah kerana pelbagai program yang ada, Justeru, bagi kajian ini, tumpuan adalah kepada penyelaras program tahfiz al-Quran di sekolah.

Seterusnya adalah responden kategori guru iaitu guru bagi kelas tahfiz al-Quran yang kebiasaananya dikenali sebagai guru tasmi'. Oleh itu, temubual dijalankan ke atas dua orang guru tasmi' untuk setiap satu sekolah yang melibatkan seorang guru lelaki dan seorang guru perempuan.

Kategori responden yang terakhir adalah pelajar yang merupakan sasaran utama kajian ini. Hal ini kerana, responden yang terlibat adalah seramai enam orang pelajar bagi setiap sekolah. Pelajar yang terlibat terdiri daripada tiga orang pelajar lelaki dan tiga orang pelajar perempuan. Tumpuan pelajar hanya kepada pelajar yang mengikuti program tahfiz al-Quran kerana bukan keseluruhan pelajar di sekolah yang mengikuti program tahfiz al-Quran atau PINTAR ini. Temubual yang dijalankan bersama pentadbir, penyelaras, guru tasmi' dan pelajar. Berdasarkan objektif kajian, pengkaji telah mengenalpasti 9 perkara iaitu:

- 1) Latar Belakang Responden
- 2) Pelaksanaan Program Bimbingan Tahfiz Bestari (PINTAR)
- 3) Kaedah Hafazan Modul Latihan Intensif Hafazan Al-Quran (LIQA)
- 4) Bentuk Penilaian dalam Program Bimbingan Tahfiz Bestari (PINTAR)





- 5) Masalah dihadapi dalam Program Bimbingan Tahfiz Bestari (PINTAR)
- 6) Impikasi dari Program Bimbingan Tahfiz Bestari (PINTAR)
- 7) Alat Bantu Hafaz Program Bimbingan Tahfiz Bestari (PINTAR)
- 8) Insentif dalam Program Bimbingan Tahfiz Bestari (PINTAR)
- 9) Harapan dan Cadangan terhadap Program Bimbingan Tahfiz Bestari (PINTAR)

### 3. Analisis Dokumen

Selain daripada kaedah perpustakaan, pengkaji turut memperolehi data-data yang diperlukan berdasarkan analisis dokumen. Metode ini merujuk kepada pengkaji ilmiah, buku-buku, artikel ilmiah dan bahan bertulis lain sebagai rujukan. Selain daripada itu,



I. Metode Dokumentasi: Metode dokumentasi ini merujuk kepada pencarian bahan berdasarkan buku-buku, kitab-kitab arab dan artikel-artikel. Penyelidik akan merujuk data-data dari sumber primer tanpa mengenepikan data berbentuk sekunder. Kutipan data-data dari sumber ini adalah untuk memahami skop dan bidang kajian yang dibuat. Ini meliputi pengertian dan konsep tahfiz al-Quran. Selain itu juga model berkaitan tahfiz al-Quran juga akan diperkenalkan.

Perisian dan laman web juga dijadikan sumber untuk agen pencarian maklumat. Cara ini adalah merupakan cara yang berkesan dan mudah untuk mendapatkan bahan kajian.





II. Metode Penelitian Dokumen: Penyelidik menggunakan metode penelitian dokumen. Penelitian ini merujuk kepada penelitian khusus yang diaplikasikan dengan merujuk kepada bahan berkaitan tahfiz al-Quran terutamanya bahan yang digunakan dalam Program Bimbingan Tahfiz Bestari (PINTAR). Keseluruhan bahan yang diteliti adalah sebagaimana berikut :

1. Pamlet program
2. Buku Modul LIQA (Latihan Intensif Hafazan Al-Quran)
3. Buku Catatan Hafazan

### 1.8.3 Analisis Data



Analisis adalah salah satu bahagian terpenting dalam penyelidikan kerana hasilnya akan mencerminkan sebahagian daripada objektif sesuatu penyelidikan. Dalam kajian ini, data-data yang diperolehi sama ada primer atau sekunder boleh dianalisis meskipun kajian ini berbentuk kualitatif. Berikut merupakan analisis data:

#### 1. Temu bual

Temu bual dianalisis melalui transkripsi temu bual. Data temu bual ditranskripsikan kemudian ditaip dan diberikan nombor di bahagian sebelah kiri dan ditinggalkan kosong di sebelah kanan untuk tujuan pengekodan data satu ayat dalam transkripsi disebut unit. Unit yang telah dikodkan ditulis di ruang sebelah kanan kertas yang disediakan.





Proses memberi kod terhadap unit-unit ayat ini akan memudahkan penyelidik mengenalpasti tema bagi setiap langkah dan memberi penerangan lanjut berkaitan tingkah laku berkenaan. Transkripsi dibaca dan tema-tema dikenal pasti kemudian dikodkan. Proses pengekodan dijalankan sehingga tamat satu transkripsi temubual bersama dengan responden yang terlibat. Pembahagian kod adalah seperti berikut:

### Jadual 1.2: Pembahagian Kod Transkripsi

Bil	Kategori	Kod
1.	Pentadbir iaitu Pengetua atau Guru Penolong Kanan (Pentadbiran/Hal Ehwal Murid/Kokurikulum)	1 - 5
2.	Penyelia atau Penyelaras Program Tahfiz al-Quran.	6-10
3.	Guru Tasmi' Kelas Tahfiz al-Quran.	11-20
4.	Pelajar Kelas Tahfiz al-Quran.	21-50

Jadual 1.2 menunjukkan pembahagian kod transkripsi terhadap empat kategori responden. Berdasarkan jadual tersebut kod 1-5 menunjukkan kepada kategori Pentadbir iaitu Pengetua atau Guru Penolong Kanan (Pentadbiran/Hal Ehwal Murid/Kokurikulum). Kod 6-10 pula menunjukkan kepada kategori Penyelia atau Penyelaras Program Tahfiz al-Quran. Seterusnya, kod 11-20 menunjukkan kategori Guru Tasmi' Kelas Tahfiz al-





Quran. Kategori yang keempat menunjukkan kategori Pelajar Kelas Tahfiz al-Quran iaitu menggunakan kod 21-50.

Hasil analisis data tembual juga dipersembahkan dalam bentuk mencerita dan menghuraikan semula atau menggunakan kekerapan tema yang diperoleh melalui transkripsi temu bual. Kesemua jenis temubual dianalisis mengikut proses yang sama iaitu dengan menghasilkan tema-tema dan dipersembahkan dalam bentuk petikan percakapan atau huraihan secara umum.

## 2. Analisis Dokumen

Sumber-sumber dokumen diperolehi sama ada dalam bentuk tulisan atau visual. Sumber dokumen berbentuk penulisan meliputi buku, jurnal, akhbar, majalah, rekod-rekod yang berkaitan dengan pentadbiran, polisi, pengurusan, kewangan dan perdagangan, penerbitan kerajaan dan statistik-statistik rasmi, surat, memo, laporan tahunan dan catatan harian (Ishfaq Ahmad, 2000). Dalam kalangan penyelidik-penyalidik akademik, buku dan jurnal merupakan sumber dokumen yang paling utama.

Dalam kajian ini penyelidik telah menganalisis buku-buku berkaitan tafsir al-Quran beserta Model Hafazan khususnya. Selain itu bahan yang digunakan dalam program PINTAR adalah merupakan tumpuan utama kajian ini terutamanya Modul LIQA (Latihan Intensif Hafazan Al-Quran). Analisis dilakukan dengan meneliti bahan berkenaan yang kemudiannya diulas berdasarkan beberapa kriteria berikut:





1. Grafik dan Ilustrasi
2. Gaya Bahasa
3. Penilaian Rujukan

Kajian berkaitan pelaksanaan PINTAR ini adalah untuk menilai keberkesanan program serta modul yang digunakan. Scriven (1967) telah memberi definisi penilaian sebagai 'judging the worth or merit'. Ini bermaksud penilaian dijalankan untuk melihat aspek nilai dan kualiti sesuatu program atau kurikulum yang dinilai.

Di samping itu juga, Worthen & Sander (1987) berpendapat dengan menyatakan bahawa penilaian merupakan penentuan secara formal berkaitan kualiti, keberkesanan atau nilai bagi sesuatu program, produk, perojek, proses, objektif atau kurikulum.



Tujuan utama penilaian kurikulum ialah untuk menentukan samada objektif kurikulum telah dilaksanakan atau mencapai keputusan yang diinginkan (Oliver, 2009; Ornstein & Hunskein, 2009; Tyler, 1950; Scriven, 1967; Stufflebeam, 1971). Oleh itu, penilaian kurikulum melibatkan merit atau nilai keperluannya. Talmage (1985), berpendapat beberapa aspek dinilai dalam penilaian kurikulum iaitu:

- i. Nilai Instrinsik : ketepatan isi kandungan kurikulum.
- ii. Nilai Instrumental : Tentukan tujuan dan sasaran kurikulum.
- iii. Nilai Perbandingan : Perbandingan antara kurikulum dalam beberapa aspek seperti program, isi, pelaksanaan dan tujuannya.





- iv. Nilai Idealisasi : Idea tentang bagaimana membuat program dalam prestasi terbaik terhadap pencapaian responden dalam setiap aspek.
- v. Nilai Keputusan : Penetapan keputusan kurikulum apakah perlu diteruskan, ditangguhkan, diubahsuai atau dihentikan.

## 1.9 Sorotan Kajian Lepas

Sorotan literatur merupakan satu proses rujukan dan kupasan secara terperinci terhadap kajian-kajian lepas berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Ia bertujuan bagi mengenalpasti sama ada kajian yang ingin dilaksanakan telah dilakukan ataupun belum.



Di samping itu juga, ia akan membantu pengkaji mengenalpasti kehendak tajuk, permasalahan serta penyelidikan yang sesuai untuk dijadikan rujukan dan contoh (Noraini Idris, 2013).

Secara umumnya, menerusi kajian-kajian lepas, didapati telah banyak kajian berkenaan bidang tafsir al-Quran telah dijalankan oleh pelbagai ahli akademik. Berikut disertakan beberapa sorotan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tafsir al-Quran:

### a. Tesis dan Disertasi

1. Pengajian Tahfiz al-Qur'an dan Qira'at di Kelantan: Tumpuan Terhadap Sumbangan Dato' Hj Muhammad Nor Bin Ibrahim oleh Ab Rahman Al-Qari bin





Abdullah. Tesis (Ph.D) - Jabatan Al-Qur'an Dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (2011).

Tesis ini menghuraikan kajian berkaitan al-Quran dan qiraat di Kelantan. Pengajian tahlif al-Quran di Kelantan adalah yang terawal di antara negeri-negeri di Malaysia iaitu pada tahun 1937. Pengajian qiraat di Kelantan pula dikira terawal iaitu bermula pada awal tahun 1950-an. Kajian menunjukkan bahawa Haji Muhammad Nor bin Ibrahim merupakan tokoh sarjana Islam yang telah menabur bakti kepada negara Malaysia amnya dengan menjadi guru perintis di Kelas Pengajian Menghafaz al-Quran dan Ilmu Qiraat di Masjid Negara, Kuala Lumpur pada tahun 1966. Justeru, kajian ini membicarakan beberapa sumbangan yang telah diberikan oleh mantan Mufti Kerajaan Kelantan, Haji Muhammad Nor Bin Ibrahim dalam membangunkan program pengajian tahlif dan Qiraat ini melalui beberapa pendekatannya yang tersendiri sebagaimana yang dapat dikesan melalui beberapa sumber maklumat terutamanya daripada murid beliau dan ahli keluarga beliau sendiri.

2. Kaedah Menghafal al-Qur'an di Institusi Tahfiz al-Qur'an di Malaysia: Kajian Perbandingan di antara Kaedah Darul Quran, JAKIM dengan Kaedah al-Huffaz oleh Sedek bin Ariffin. Tesis (Ph.D) - Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012.





Tesis ini menghuraikan perkembangan semasa yang melihat keinginan setiap individu muslim untuk menjadi golongan hafiz al-Quran. Dengan perkembangan sedemikian pelbagai institusi tahfiz al-Quran ditubuhkan. Setiap institusi tersebut membawa metode masing-masing dalam membimbing para pelajar menghafaz al-Quran. Justeru, kajian ini adalah menjurus untuk melihat kaedah manakah yang lebih efektif untuk digunakan bagi melahirkan golongan hafiz yang benar-benar mantap dari sudut hafazannya.

3. Hafazan al-Quran dan Hubungannya dengan Kecemerlangan Pelajar : Kajian di Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Pulai Chondong, Kelantan dari tahun 1997 hingga 2007 oleh Muhaidi Hj. Mustaffa. Disertasi (M.Usuluddin) - Jabatan



Disertasi ini adalah kajian untuk mengetahui metode pengajian di Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat, Pulai Chondong, Kelantan (MTAQPC), ciri-ciri kecemerlangan yang dimiliki pelajar MTAQPC dan hubungkait antara hafazan al-Quran dengan kecemerlangan pelajar. Dapatkan kajian menjelaskan terdapat hubungkait antara hafazan al-Quran dengan kecemerlangan pelajar dalam akademik dan sahsiah di MTAQPC.

4. Program Sijil Tahfiz Al-Qur'an Darul Quran JAKIM-Universiti Islam Antarabangsa Malaysia: Analisis terhadap Pencapaian Hafazan dan Permasalahannya oleh





Shahrulkarnain bin Mohamad Nazir Disertasi (M.Usuluddin) - Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2013.

Disertasi ini merupakan kajian yang dijalankan terhadap 60 orang responden. Terdiri terdiri daripada 30 orang lelaki dan 30 orang perempuan. Mereka merupakan pelajar semester akhir program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran-UIAM dan juga telah menamatkan hafalan al-Quran 30 juzu'. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengkaji pencapaian hafazan al-Quran bagi pelajar yang mengikuti program ini. Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat kelemahan yang sangat ketara dalam aspek hafazan al-Quran bagi pelajar-pelajar Program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran JAKIM – UIAM. Pencapaian hafazan ini diukur berdasarkan jantina dan sosioekonomi. Perbezaan ini tidaklah terlalu besar dan menggambarkan golongan sederhana dan susah juga boleh menguasai hafazan al-Quran dengan baik.

5. Pengajian Tahfiz Di Kelantan: Permasalahan-permasalahan Di Maahad Tahfiz Bustanul Arifin Tumpat Dan Maahad Tahfiz Ummul Qura' Kota Bharu. Disertasi oleh Siti Zaharah Binti Yusoff, 2007.

Disertasi ini merupakan kajian untuk mengetahui pelbagai permasalahan pengajian tahfiz bantuan kerajaan dan persendirian di Kelantan. Selain itu, kajian menghuraikan kaedah-kaedah menghafaz al-Quran dan bagaimana cara mengulangkaji hafazan secara mudah, praktikal dan lebih berkesan. Dapatan kajian





mendapati pengajian tahliz semakin mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat Malaysia khususnya di Kelantan.

6. Pengajian Tahliz Di Kelantan: Kajian Perbandingan Antara Maahad Tahliz Al-Qur'an Al-Asriah Banggol Chicha Dengan Maahad Tahliz Darul Qiraat, Repek Pasir Mas. Disertasi oleh Nur Murni Binti Mat Ludin, 2007.

Disertasi ini membincangkan tentang pengajian tahliz bantuan kerajaan dan persendirian di Kelantan. Tujuannya adalah untuk mengetahui apakah sistem pendidikan yang digunakan. Selain itu, kajian ini bertujuan mengenalpasti masalah yang dihadapi pelajar. Dapatkan kajian menunjukkan sistem pendidikan dan pembelajaran sekolah tahliz persendirian lebih konsisten dengan menggunakan sistem pondok.

7. Pengajian Tahliz Di Terengganu: Satu Kajian Ke Atas Pengajian Tahliz Persendirian Di Madrasah Al Quran Kubang Bujuk Kuala Terengganu. Disertasi oleh Ali Bin Yusuf, 1996.

Disertasi ini merupakan kajian di Madrasah al-Quran Kampung Kubang Bujuk, Kuala Terengganu. Kajian membincangkan secara menyeluruh perkembangan madrasah dari segenap aspek semenjak penubuhannya. Selain itu, peranan dan sumbangsan madrasah ini terhadap bidang hafazan al-Quran juga diuraikan.





8. Pengajian Tahfiz Di Selangor: Kajian Perbandingan Antara Maahad Integrasi Tahfiz Istana Bandar Dengan Sekolah Agama Menengah Harapan, Kuala Langat. Disertasi oleh Rashidah Hussin, 2008.

Disertasi ini merupakan kajian yang membincangkan tahfiz persendirian yang mendapat bantuan kerajaan di daerah Kuala Langat, Selangor. Perbandingan dibuat antara dua buah institusi tahfiz. Permasalahan pelajar juga dikenalpasti dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan tiada perbezaan dari sudut pembelajaran antara institusi yang dikaji. Sedikit perbezaan dapat dilihat dari sudut kelengkapan infrastruktur seperti kelengkapan bangunan, kemudahan yang disediakan dan sumber bantuan yang diperolehi.



### b. Laporan Penyelidikan

1. Keberkesanan Kaedah Hafazan Di Pusat Tahfiz oleh sekumpulan penyelidik dari Universiti Teknologi Malaysia yang diketuai oleh Ustaz Abdul Hafiz Bin Haji Abdullah. Lain-lain penyelidik ialah Prof. Madya Ajmain Bin Safar, Ustaz Mohd Ismail Bin Mustari, Ustaz Azhar Bin Muhammad dan Ustaz Idris Bin Ismail 2003.

Kajian ini merupakan kajian yang memberikan fokus utama kepada kaedah hafazan al-Quran dan keberkesanannya. Kajian ini juga cuba memaparkan sejarah dan perkembangan pembelajaran, kaedah hafazan, hukum-hukumnya serta kepentingan dan kebaikan menghafaz al-Quran berdasarkan sumber-sumber dari





ayat-ayat al-Quran dan as-Sunnah. Kajian ini juga menyentuh beberapa aspek perbandingan di antara pendidikan tahfiz moden dan tradisional di Malaysia seperti dari kacamata pendidikan, infrastruktur, lokasi, perhubungan, pentadbiran, syarat kemasukan, peperiksaan dan persijilan, serta pengiktirafan para lulusan tahfiz dari institusi awam maupun swasta. Penyelidikan ini juga meneltiti kaedah-kaedah hafazan baru (*dars jadid*) serta kaedah mengekalkan hafazan (*sabiq*) dan kaedah mengulang bacaan iaitu (*taqrir/muraja'ah*).

2. Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan Al-Qur'an Yang Efektif: Satu Kajian Di Kuala Lumpur Dan Terengganu Oleh Ustaz Abdul Hafiz Bin Haji Abdullah (Ketua), Prof. Madya. Dr. Hussin Bin Salamon, Ustaz Azmi Shah Bin Suratman, Ustaz Sulaiman Shakib Bin Mohd Noor, Ustaz Kamarul Azmi Bin Jasmi Dan Ustaz Abdul Basit Bin Samat @ Darawi Dari Universiti Teknologi Malaysia (2005).

Kajian ini dibuat adalah untuk melihat serta mengkaji Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafazan al-Quran Yang Efektif : Satu Kajian di Kuala Lumpur dan Terengganu. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat apakah kaedah yang paling sesuai dan berkesan di dalam pembelajaran dan penghafazan al-Quran.

### c. Artikel Jurnal dan Pembentangan

1. Membaca Hafalan 30 Juzuk Al-Quran Dalam Masa 15 Jam Tanpa Melihat Mushaf: Praktikal Di Pusat Tahfiz Al-Quran oleh Dr. Sedek bin Ariffin.





Artikel ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis kaedah dan pendekatan yang digunakan oleh sebuah Pusat Tahfiz al-Quran dalam proses melahirkan pelajar-pelajar yang dapat mengingati hafazan penuh 30 juzuk al-Quran. Hasil analisis dari kajian ini didapati terdapat empat kaedah asas dalam penghafazan al-Quran iaitu kaedah Sabak, Para Sabak, Ammokhtar dan Halaqah Dauri. Dengan menggunakan empat kaedah ini para pelajar mampu membaca hafazan al-Quran 30 juzuk dalam masa 15 jam tanpa melihat mushaf al-Quran.

2. Memperkasa Darul Quran Ke Arah Memartabat Pendidikan Tahfiz Di Malaysia  
Oleh Dr. Nordin Bin Ahmad.



Artikel ini merupakan kertas kerja yang menjelaskan permintaan yang tinggi terhadap pendidikan tafsir al-Quran di institusi tafsir seluruh negara khususnya Darul Quran Jakim. Bidang hafazan al-Quran menjadi antara pilihan pelajar masakini. Rentetan itu, Darul Quran Jakim sebagai sebuah institusi pendidikan tafsir tersohor di negara ini mengambil langkah memperkasakan lagi bidang pendidikan tafsir al-Quran agar setaraf dengan bidang pendidikan arus perdana yang lain.

Kesimpulannya, berdasarkan kajian-kajian lepas yang dinyatakan sebelum ini pengkaji mendapati tiada lagi kajian berkaitan tuisyen tafsir al-Quran secara separuh masa dilakukan secara khusus dan terperinci. Justeru, kajian yang ingin dijalankan ini masih lagi tidak dikaji dan diselidiki oleh mana-mana individu.





## 1.10 Definisi Istilah

Kajian yang ingin di ketengahkan oleh penyelidik bertajuk: **Pelaksanaan Program Bimbingan Tahfiz Bestari (Pintar) Sebagai Medium Tuisyen Tahfiz Separuh Masa Di Negeri Pahang.**

Bagi memudahkan kefahaman dalam memahami tajuk kajian, pengkaji mengeluarkan beberapa perkataan yang amat penting untuk difahami sebelum memahami tujuan utama kajian yang dilakukan. Perkataan yang dikeluarkan adalah berdasarkan kepada beberapa perkataan yang menjadi kata kunci berdasarkan pada tajuk kajian. Antaranya ialah:



### 1. Pelaksanaan.

Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua (2016), pelaksanaan bermaksud perbuatan atau hal melaksanakan (mengusahakan, menjalankan) sesuatu. Manakala Kamus Dewan Edisi Keempat (2014) menyatakan masudnya adalah perihal, perbuatan atau proses melaksanakan (menjalankan, mengusahakan) rancangan (tugas dsb).

### 2. Tuisyen Tahfiz.

Di dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2014), tuisyen bermaksud bimbingan tambahan yang diberikan kepada pelajar (individu atau kumpulan kecil) bagi matapelajaran





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

tertentu. (<http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=tuisyen>). Seterusnya berkaitan dengan pengertian tahfiz, mengikut Mu'jam al-'Arabi al-Asāsi, perkataan tahfiz berasal dari perkataan bahasa arab (حفظ) bermaksud menjaga sesuatu dan mengawalnya daripada hilang (Ahmad al-'Ayyid & Dawud 'Abduh, 1989:332).

Menurut Abd al-Rauf definisi tahfiz atau menghafaz adalah proses mengulang sesuatu, baik dengan membaca atau mendengar. Pekerjaan apapun jika sering diulang, pasti menjadi di ingati yakni di hafaz. Justeru itu, berdasarkan kajian ini istilah tuisyen tahfiz adalah merupakan kelas bimbingan tambahan dalam proses menghafaz al-Quran berdasarkan kaedah tertentu di sekolah-sekolah kajian.

05-4506832 **Separuh Masa.** pustaka.upsi.edu.myPerpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Kamus Dewan Edisi Keempat menghuraikan maksud separuh masa adalah seperti berikut: Waktu, ketika, jangka waktu yang agak lama serta jangka waktu yang tertentu. (<http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=separuh+masa>)

#### **4. Program Bimbingan Tahfiz Bestari (Pintar).**

Program ini berbentuk tuisyen tahfiz secara separuh masa dan menggunakan Modul LIQA (Latihan Intensif Hafazan Al-Quran) sebagai Alat Bantu Hafaz pelajar. Kekerapan kelas adalah sebanyak dua atau tiga kali seminggu dan melibatkan satu hingga dua jam



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi




untuk satu pertemuan. Manakala sukatan hafazan adalah sama ada 5 juzuk, 10 juzuk atau 15 juzuk.

## 5. Pahang.

Kamus Dewan Edisi Keempat menghuraikan sebagai negeri di tenggara Semenanjung, keluasan 35,965 km<sup>2</sup>, Kuantan sebagai ibu negeri, Pahang Darul Makmur (laman web <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=pahang>). Dalam kajian ini, terdapat tiga buah daerah di negeri Pahang yang telah dikaji iaitu Kuantan, Maran dan Jerantut



### 1.11 Kerangka Konseptual





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## 1.12 Sistematika Penulisan

Disertasi ini dibahagikan kepada 5 bab yang membincangkan tentang:

### Bab 1: Pendahuluan

Bab ini merupakan bab pendahuluan yang memperincikan mengenai pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, soalan kajian, hipotesis kajian, kerangka teori kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional, sistematika penulisan, metodologi kajian dan rumusan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Bab ini membincangkan tentang konsep tahliz al-Quran yang merangkumi sejarah pengajian tahliz, kaitan hafazan dengan penurunan al-Quran, hafazan sebagai mekanisme pemeliharaan al-Quran dan kaedah-kaedah khusus dalam hafazan al-Quran. Perbincangan diteruskan dengan sejarah tahliz al-Quran di Malaysia, penubuhan institusi tahliz kerajaan dan swasta, pelaksanaan tahliz secara sepenuh masa dan separuh masa, dan perkembangan tahliz khusus di negeri Pahang.

### Bab 3: Program Bimbingan Tahliz Bestari (PINTAR)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Bab ini menghuraikan tentang tuisyen tahfiz. Ia juga akan membincangkan secara terperinci tentang Program Bimbingan Tahfiz Bestari (PINTAR) iaitu aspek pengurusan, modul hafazan kaedah LIQA, kaedah pengajaran dan penilaian. Modul LIQA yang menjadi bahan utama dalam program PINTAR juga dihuraikan penggunaannya secara mendalam pada bab ini.

#### Bab 4: Dapatan Kajian

Bab ini merupakan analisis terhadap dapatan kajian iaitu (1) hasil temubual bersama guru dan pelajar berhubung pelaksanaan PINTAR, (2) hasil dapatan pemerhatian terhadap proses pengajaran dan pembelajaran serta (3) analisis set ujian yang dilaksanakan terhadap pelajar bagi tujuan keberkesanan hafazan pelajar setelah mengikuti program PINTAR.

#### Bab 5: Perbincangan, Rumusan Dan Cadangan

Bab lima ialah kesimpulan dan rumusan kajian ini hasil dari dapatan kajian. Ia juga akan membincangkan tentang cadangan kajian di masa akan datang dan penutup kepada kajian.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi